



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 818**

## ***AKTA THE OVERSEAS MISSIONARY FELLOWSHIP (PEMERBADANAN) 1957***

(Disemak – 2019)

*Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi The Overseas Missionary Fellowship (Incorporation) Act 1957 [Act 818]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.*



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 818****AKTA *THE OVERSEAS MISSIONARY FELLOWSHIP*  
(Pemerbadanan) 1957**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemerbadanan *The Overseas Missionary Fellowship*
4. Meterai perbadanan
5. Perbadanan hendaklah mempunyai pejabat di Semenanjung Malaysia



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 818****AKTA *THE OVERSEAS MISSIONARY FELLOWSHIP*  
(PEMERBADANAN) 1957**

Suatu Akta untuk memperbadankan *The Overseas Missionary Fellowship*.

[1 Julai 1957]

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta *The Overseas Missionary Fellowship* (Pemerbadanan) 1957.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Perbadanan” ertinya *The Overseas Missionary Fellowship* sebagaimana yang diperbadankan di bawah seksyen 3;

“pemegang jawatan” ertinya John Morris Rockness, George Percival Moore dan George Alexander Williamson yang masing-masing menjadi *Secretary, the Southern Field Superintendent and the Northern Field Superintendent*, yang dilantik untuk jawatan “*The Overseas Missionary Fellowship*” dan termasuklah pengganti mereka dalam jawatan.

**Pemerbadanan *The Overseas Missionary Fellowship***

3. (1) Pemegang jawatan bagi Perbadanan hendaklah bagi segala maksud menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "*The Overseas Missionary Fellowship*" dan adalah kekal turun-temurun.

(2) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(3) Perbadanan boleh—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh melalui pembelian, pemberian, devis, bekues atau selainnya; dan memegang tiap-tiap jenis harta alih dan harta tak alih dan apa-apa kepentingan dalam harta yang diperoleh sedemikian oleh Perbadanan; dan
- (c) menjual, memindahhakkan, memindahmilikkan, menyerahhakkan, mendemis, memajakkan, menyerahkan balik, menukarkan, memecahmilikkan, menggadaikan, menggadaijanjikan atau selainnya melupuskan atau membuat urusan mengenai mana-mana harta alih atau harta tak alih yang diperoleh sedemikian oleh Perbadanan.

**Meterai perbadanan**

4. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi perkataan “*The Overseas Missionary Fellowship*” boleh digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Perbadanan.

(3) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai bagi Perbadanan hendaklah dimeteraikan dengan meterai Perbadanan di hadapan *Secretary The Overseas Missionary Fellowship* yang hendaklah menurunkan tandatangannya pada surat ikatan, dokumen dan surat cara lain itu dan hendaklah ditandatangani balas oleh mana-mana Penguasa yang disebut dalam subseksyen 3(1).

(4) Penandatanganan itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sewajarnya dan sepatutnya dan bahawa meterai itu ialah meterai yang sah bagi Perbadanan.

**Perbadanan hendaklah mempunyai pejabat di Semenanjung Malaysia**

5. Perbadanan hendaklah mempunyai suatu pejabat di Semenanjung Malaysia yang alamatnya hendaklah diberitahu kepada Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Sosial, yang butir-butirnya hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 818**

**AKTA *THE OVERSEAS MISSIONARY FELLOWSHIP*  
(PEMERBADANAN) 1957**

(Disemak – 2019)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii)  
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari

-TIADA -

---

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.

Tajuk

Ord. P.T.M. No. 22  
tahun 1957

Ordinan *The Overseas Missionary Fellowship*  
(Pemerbadanan), 1957

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 818****AKTA *THE OVERSEAS MISSIONARY FELLOWSHIP*  
(PEMERBADANAN) 1957**

(Disemak – 2019)

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa  
dari**-TIADA-**  

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 818

#### **AKTA *THE OVERSEAS MISSIONARY FELLOWSHIP* (PENERBADANAN) 1957**

(Disemak – 2019)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA  
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA  
PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

| Peruntukan               | Butir-butir pindaan   | Kuasa untuk meminda     |
|--------------------------|---|-------------------------|
| Susunan kandungan        | Susunan kandungan di bawah tajuk “ARRANGEMENT OF SECTIONS” dimasukkan | perenggan 6(1)(vii)     |
| Bentuk Perkenan Raja     | Ditinggalkan  | perenggan 6(1)(xxiv)    |
| Keseluruhan Akta         | 1. Perkataan “Act” menggantikan “Ordinance”                           | perenggan 6(1)(v)       |
|                          | 2. Nota bahu menggantikan nota birai                                  | perenggan 6(1)(xxiv)    |
|                          | 3. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan                           | perenggan 6(1)(xvi)     |
|                          | 4. Perkataan “Corporation” menggantikan “corporation”                 | perenggan 6(1)(xv)      |
| Tarikh kuat kuasa        | Perkataan “1 July 1957” menggantikan “1st July, 1957.”                | perenggan 6(1)(iii)     |
| Mukadimah                | Ditinggalkan  | subperenggan 6(1)(i)(b) |
| Ayat mengundang-undangan | Ditinggalkan  | subperenggan 6(1)(i)(f) |
| seksyen 1                | 1. Perkataan “The” menggantikan “the”                                 | perenggan 6(1)(xv)      |

*The Overseas Missionary Fellowship (Pemerbadanan)* 11

| Peruntukan       | Butir-butir pindaan  | Kuasa untuk meminda   |
|------------------|--|---|
|                  | 2. Koma sebelum perkataan “1957” ditinggalkan  | perenggan 6(1)(xvi)   |
| Seksyen tafsiran | Seksyen tafsiran dimasukkan sebagai seksyen 2 baharu   | subperenggan 6(1)(iv)(a)  |
| seksyen 2        | 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 3<br>2. Dalam nota bahu, perkataan “ <b>of The Overseas Missionary Fellowship</b> ” dimasukkan selepas perkataan “ <b>Incorporation</b> ”  | perenggan 6(1)(xii)<br>perenggan 6(1)(xxiv)                     |
| subseksyen 2(1)  | 1. Perkataan “The holder of the office of the Corporation” menggantikan “The said John Morris Rockness, George Percival Moore and George Alexander Williamson being respectively the Secretary, the Southern Field Superintendent and the Northern Field Superintenden, and their successors for the time being in office in the association known as the Overseas Missionary Fellowship”<br>2. Perkataan “and shall have perpetual succession” ditukar tempat daripada subseksyen 2(2) dengan perubahan berbangkit dibuat dan dimasukkan selepas perkataan “The Overseas Missionary Fellowship” | perenggan 6(1)(iii) dan (xv)<br>perenggan 6(1)(xiii) dan (xxiv) |
| subseksyen 2(2)  | 1. Perkataan “Corporation” menggantikan perkataan “said body corporate (hereinafter referred to as “the corporation”)”<br>2. Perkataan “common” menggantikan “corporate”   | perenggan 6(1)(xxi)<br>perenggan 6(1)(iii)                      |
| subseksyen 2(3)  | 1. Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada subseksyen 3(2) dan perenggan 3(3)(a) dengan perubahan berbangkit dibuat  | perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)                          |

| Peruntukan         | Butir-butir pindaan  | Kuasa untuk meminda   |
|--------------------|--|---|
|                    | 2. Perkataan “in its name” menggantikan “in its said name”   | perenggan 6(1)(xxi)   |
| subseksyen 2(4)    | Dinomborkan semula, dibahagikan dan ditukar tempat kepada subseksyen 4(1) dan (2) dengan perubahan berbangkit dibuat   | perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)  |
| subseksyen 2(5)    | 1. Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada perenggan 3(3)(b) dan (c) dengan perubahan berbangkit dibuat<br>2. Perkataan “in the property” menggantikan “therein”   | perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)<br>perenggan 6(1)(xxi)                               |
| seksyen 3          | 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 4<br>2. Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Common seal</b> ” menggantikan “ <b>Use of corporate seal</b> ”  | perenggan 6(1)(xii)<br>perenggan 6(1)(xxiv)   |
| subseksyen dan (2) | 3(1) Dinomborkan semula sebagai subseksyen 4(3) dan (4) dengan perubahan berbangkit dibuat   | perenggan 6(1)(xii) dan (xxiv)  |
| seksyen 4          | 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 5<br>2. Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Corporation to have office in Peninsular Malaysia</b> ” menggantikan perkataan “ <b>Address and office</b> ”<br>3. Perkataan “Peninsular Malaysia” menggantikan “the Federation”<br>4. Perkataan “published” menggantikan “inserted” | perenggan 6(1)(xii)<br>perenggan 6(1)(xxiv)<br>perenggan 6(1)(xvii)<br>perenggan 6(1)(xxiv) |
| seksyen 5          | Ditinggalkan   | subperenggan 6(1)(i)(aa)  |